

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)
Sent: Wednesday, August 16, 2017 11:22 AM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Sharipah Soaad Bt Syed Yahaya; Dr. Nerda Zura Binti Zaibidi; Roslee bin Mardan
Subject: SQS ONLINE : SQS SERTAI PROGRAM KHIDMAT BAKTI BERSAMA iKUPS DI KAMPUNG CHEPIR, SIK, KEDAH



**Pusat Pengajian Sains
Kuantitatif**

SCHOOL OF QUANTITATIVE SCIENCES

Universiti Utara Malaysia

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

16 OGOS 2017 | 23 ZULKAEDAH 1438H

Oleh : Dr. Wan Laailatul Hanim Mat Desa

SQS SERTAI PROGRAM KHIDMAT BAKTI BERSAMA iKUPS DI KAMPUNG CHEPIR, SIK, KEDAH



SQS ONLINE : SIK, 10 OGOS 2017 – Kelab Kebajikan Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) telah menyertai Program Khidmat Bakti anjuran bersama Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Kubang Pasu (iKUPs) di khariah Kampung Chepir, Sik, Kedah. Program kerjasama ini bertujuan untuk mendekatkan lagi warga SQS dan iKUPs dengan masyarakat di samping menyalurkan maklumat dan pendedahan berkaitan program pengajian yang ditawarkan di SQS.

Menurut Dr. Wan Laailatul Hanim Mat Desa selaku penyelaras program ini, antara aktiviti yang dijalankan adalah pemberian sumbangan kepada fakir miskin di kawasan kampung berkenaan hasil kutipan derma dari warga iKUPs dan SQS. Selain daripada itu, wakil SQS Dr. Mohd Saiful Adli Mohamad telah menyampaikan ceramah motivasi kepada anak-anak tahun 6 di kampung berkenaan manakala taklimat kerjaya kepada murid tingkatan 4 iKUPs yang turut serta telah disampaikan oleh Dr. Jafri Hj. Zulkepli Hew.

Diharapkan penyertaan SQS dalam program ini dapat membantu usaha untuk mempertingkatkan lagi pendedahan berkaitan kepentingan pendidikan kepada golongan masyarakat di kampung-kampung terpencil agar tidak ketinggalan dalam arus pemodenan dan pembangunan negara.

Pusat Pengajian Sains Kuantitatif | (School of Quantitative Sciences) |
College of Arts and Sciences | Universiti Utara Malaysia |
06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |
Tel : +6049286301 | Fax : +6049286309 |
E-mail : sqs@uum.edu.my
Website : <http://www.sqs.uum.edu.my>
Facebook : <https://www.facebook.com/SQSUUM>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.